

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN KEJURUTERAAN
KURSUS KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA)

PROJEK TAHUN AKHIR 1990

" SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DI DALAM
SEBUAH KERETA "

NAMA PELAJAR :=

MOHD PUAT BIN IBRAHIM

TUHIRIN BIN JARANI

PENASIHAT PROJEK

SHAMSURI BIN ZAINUDDIN

TARIKH HANTAR: 27.10.1990

KANDUNGAN

FAKTA

MUKA SURAT

TAJUK

MUQADDIMAH

Chapter 1	Pengenalan	1
Chapter 2	Teori	
	2.1 Sistem Lampu	2
	2.2 Sistem Horn	6
	2.3 Sistem Penghidup	7
	2.4 Sistem Penyalaan Bateri	9
	2.5 Sistem Pengecasan	11
Chapter 3	Objektif	13
	Keperluan Peralatan	14
	Penyediaan dan Pengujian	14
Chapter 4	Perbincangan	15
Chapter 5	Kesimpulan	16
Appendix 1	Carta kerosakkan sistem	17
	Pendawaian	
Appendix 2	Pendawaian	21
Appendix 3	Rajah Litar	
	a) Litar lampu hadapan	22
	b) Litar lampu parking	23
	c) Litar lampu isyarat dan Hazard	24
	d) Litar lampu bumbung	25
	e) Litar lampu berhenti	26
	f) Litar Horn	27
	g) Litar sistem penyala	28
	h) Sistem pengecasan	29

Rujukan

TAJUK

TAJUK PROJEK YANG KAMI BUAT ADALAH BERTAJUK "SISTEM PENDAWALAN ELEKTRIK DIDALAM SEBUAH KERETA". PROJEK INI DIJALANKAN OLEH MOHD PUAT BIN IBRAHIM DAN TUHIRIN BIN JARANI DIBAWAH NASIHAT EN SAMSURI SEBAGAI PENASIHAT PROJEK. PROJEK INI DI JALANKAN ADALAH UNTUK MELENGKAPKAN SYARAT BAGI MENDAPATKAN DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA).

MUQADDIMAH

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan projek ini. Kami ingin merakamkan ribuan terimakasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea dan pandangan, terutamanya kepada penasihat kami En Shamsuri. Terimakasih juga kami ucapkan kepada pihak kajian kerana telah memberi kebenaran kepada kami untuk menggunakan Makmal Power 1, bagi menyiapkan projek kami itu.

Dalam kerja-kerja menyiapkan projek kami buat kali pertama ini, sememangnya kami tidak dapat lari dari sebarang permasalahan yang timbul. Namun begitu, alhamdulillah semuanya dapat diatasi dengan pertolongan dan nasihat dari pekerja Makmal Power kajian Kejuruteraan.

Kami menyedari bahawa tanpa dorongan dan nasihat dari mereka yang terlibat sudah pasti projek kami tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Pengenalan

Tenaga elektrik adalah tenaga yang sangat-sangat berguna lebih-lebih lagi di zaman yang serba moden ini. Kini kegunaannya begitu meluas. Kehidupan manusia kini penuh dengan elektrik. Contohnya di dalam perindustrian, peralatan rumah, lampu dan sebagainya. Salah satu penggunaannya yang terpenting ialah di dalam sebuah kereta. Penggunaan elektrik di dalam sebuah kereta adalah begitu kompleks. Lebih-lebih lagi dunia kini telah melangkah di dalam bidang elektroniks. Banyak komponen-komponen di dalam kereta terbaru telah menggunakan komponen elektronik. Walaubagaimanapun ianya juga hanya terhad kepada komponen-komponen tertentu. Tapi pada dasar fungsinya adalah sama.

Oleh kerana kini kereta sudah tiada asing lagi dikalangan kita, maka di sini kami akan membentangkan projek kami yang bertajuk "Sistem Pendawaian Elektrik Di dalam Sebuah Kereta".

Sistem pendawaian ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu sistem lampu, sistem horn, sistem ignition, sistem pemula, dan sistem pengecasan.